

CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Bil. 20 Tahun 2

Ogos 1995

ISSN 0128-8431

Saranan YB. Menteri Kepada FOMCA dan Persatuan Pengguna

Kementerian berpendapat peranan yang dimainkan oleh Persatuan-Persatuan Pengguna adalah satu sumbangan yang murni bagi mencapai kebahagiaan dan kemantapan struktur sosial negara ini. Tuan-tuan dan puan-puan adalah rakan Kementerian ini yang sama-sama mempunyai tanggungjawab untuk membela dan mempertahankan hak-hak pengguna di samping berusaha untuk mewujudkan perhubungan baik antara pihak Kerajaan dan rakyat.

Menyedari hakikat inilah maka Kementerian telah menyediakan geran bantuan asas dan geran bantuan projek setiap tahun supaya Persatuan-Persatuan Pengguna dapat menjalankan aktiviti dengan sempurna.

Selain daripada peruntukan, Kementerian telah menyediakan buat pertama kalinya satu mekanisma di mana Persatuan-Persatuan Pengguna mempunyai 'suara'. Dengan penubuhan Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri dan Daerah, Persatuan-Persatuan Pengguna dapat mewakili pengguna dalam majlis-majlis yang penting ini. Penting kerana resolusinya akan dipertimbangkan di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah.

Di peringkat Kebangsaan pula, Persatuan-Persatuan Pengguna telah mewakili pengguna dalam Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan kira-kira 20 tahun yang lepas. Melalui majlis ini, mereka dapat memberi nasihat kepada Menteri, dan seterusnya Kerajaan Pusat. Memandangkan semua perkembangan ini, bolehlah dikatakan bahawa status Persatuan-Persatuan Pengguna telah bertambah baik dari tahun ke tahun.

Dari segi perlindungan pengguna, dengan kerjasama Persatuan-Persatuan Pengguna, beberapa peraturan baru, termasuk Sewa Beli, Artikel-Artikel yang diperbuat dari Logam Berharga serta Jualan Langsung telah diperkenalkan. Kementerian juga akan membentangkan Rang Undang-Undang Perlindungan Pengguna di Parlimen pada tahun ini. Satu undang-undang baru yang lain, iaitu 'Akta Persaingan' sedang digubal untuk memberi manfaat kepada para

pengguna. FOMCA dan Persatuan-Persatuan Pengguna Negeri telah wujud selama 30 tahun yang lepas. Kerajaan menghargai peranan yang telah dimainkan oleh FOMCA dan Persatuan-Persatuan Pengguna selama ini.

Walaupun demikian, Kementerian merasa dukacita di atas masalah-masalah dalaman yang melanda beberapa persatuan. Ini seolah-olah memberi gambaran bahawa ada pihak-pihak yang mementingkan diri sendiri dan mencari pengaruh melalui Persatuan Pengguna. Selain daripada itu, terdapat Persatuan Pengguna yang kurang aktif dan tidak menjalankan aktiviti langsung.

Kesemua masalah dan perselisihan yang wujud adalah tidak baik untuk imej Persatuan-Persatuan Pengguna. Justeru itu, suka saya menyeru agar sifat muafakat dapat dikekalkan di kalangan ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin Persatuan Pengguna kerana matlamat murni kita ialah untuk kepentingan semua dan mewujudkan masyarakat pengguna yang sejahtera.

Seperti kita sedia maklum, Kerajaan baru-baru ini telah melancarkan Kempen Anti Inflasi dengan tema 'Inflasi Sifar: Sasaran Kita'. Pada Hari Inflasi Sifar pula peniaga diminta menjual barangan dan perkhidmatan keperluan dengan harga yang rendah, iaitu pada Hari Sabtu pertama setiap bulan. Di samping melibatkan peniaga dalam kempen ini, ia bertujuan memberi peluang kepada pengguna membeli barangan keperluan pada hari itu dan



YB. Dato' Hj. Abu Hassan
Hj. Omar

Membentuk Pengguna Berpendidikan dan Cermat


Pengguna pada hari ini menghadapi lebih banyak cabaran daripada pengguna zaman dahulu. Sistem pasaran kita sekarang lebih canggih dan rumit menyebabkan pengguna menghadapi kesulitan dalam menguruskan perbelanjaan seharianya.

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pengguna. Justeru itu, pengguna diberi perlindungan melalui penguatkuasaan undang-undang, rundingan dengan peniaga-peniaga, pengenalpastian Kedai-kedai Harga Patut, Pusat Pengawasan Harga, Pusat Maklumat Harga dan sebagainya.

Walau apa jua perlindungan yang diberi kepada pengguna namun, pelindung yang paling baik bagi pengguna ialah pengguna sendiri. Oleh yang demikian, Kementerian memberi perhatian khusus kepada program-program pendidikan pengguna. Hasrat Kementerian ialah supaya semua pengguna mempunyai maklumat yang cukup untuk membolehkan mereka membeli barangan dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan. Mereka perlu berwaspada terhadap peniaga yang tidak beretika.

Pengguna yang ingin kita wujudkan ialah pengguna yang sedar akan hak-haknya sebagai pengguna. Pengguna ini tahu mendapatkan nilai untuk setiap sen yang dibelanjakannya. Pengguna ini berupaya dan berani menuntut haknya sekiranya ditipu oleh peniaga yang kurang beretika. Hanya apabila pengguna ini tidak berjaya mendapat pampasan atau kerugian, dia akan mendapatkan bantuan persatuan-persatuan pengguna atau Bahagian Penguatkuasa Kementerian.

Kerajaan membelanjakan wang untuk menganjurkan program-program pendidikan seperti seminar, ceramah, kuiz dan sebagainya untuk menyebarkan maklumat kepenggunaan kepada semua lapisan masyarakat.



YB. Encik Tan Chai Ho

Selain daripada itu, risalah, brosur, poster dan buletin juga diterbitkan untuk menyalurkan berita kepenggunaan. Majlis-majlis Hal Ehwal Pengguna ditubuhkan di peringkat negeri dan daerah untuk membantu menggiatkan program-program pendidikan pengguna. Sekolah-sekolah diberi galakan untuk menubuhkan kelab-kelab pengguna supaya pelajar-pelajar didedahkan kepada aktiviti-aktiviti kepenggunaan. Pelajar-pelajar di sekolah serta belia yang didedahkan kepada pendidikan kepenggunaan akan menjadi pengguna yang arif pada masa hadapan.

Akhir sekali, saya menyeru kepada pengguna untuk mengambil kesempatan daripada program-program pendidikan pengguna untuk menimba sebanyak pengetahuan yang boleh dan menjadi pengguna yang lebih bermaklumat dan cermat.

Penasihat

YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang
Y.Bhg. Dato' Hj. Samsudin Osman

Penasihat Pengarang
Encik Mohd Hamdan Adnan
Dr. Sothi S. Rachagan
Encik Bisan Singh Bahadur

Pengedar: FOMCA

Pengarang
Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi
Encik Zulkipli Abu Bakar

Penolong Pengarang
Encik Lim Ming Lee
Puan P. Jayanthi

Warta CERMAT merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA dan diterbitkan secara bulanan. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

Ketua Pengarang
Warta CERMAT
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,
Tingkat 23, Menara Maybank,
100, Jalan Jun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel: 03-2329955
Fax: 03-2389558

Dialog Menteri dengan Persatuan-Persatuan Pengguna

Disediakan oleh:
Bhg. Hal Ehwal Pengguna

Sebelas Persatuan Pengguna Negeri telah menghadiri 'Majlis Dialog Menteri dengan FOMCA dan Persatuan-persatuan Pengguna Negeri' pada 1 Ogos 1995 di Kuala Lumpur. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar telah merasmikan majlis tersebut.

Tujuan Majlis Dialog tersebut diadakan ialah untuk berbincang dan mengenal pasti

strategi-strategi bagi memberi perkhidmatan yang sempurna kepada para pengguna. Sebagai perjumpaan tahunan, majlis dialog tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada persatuan-persatuan pengguna. Pelbagai isu kepenggunaan telah dibangkitkan. Di antaranya ialah penggunaan Bahasa Inggeris dalam surat-surat perjanjian, kawalan harga susu tepung, kadar tarif air dan elektrik serta Kempen Anti Inflasi.

Dalam majlis yang sama juga YB. Dato' Menteri telah menyampaikan geran bantuan asas dan geran bantuan projek kepada Persatuan-persatuan Pengguna supaya mereka dapat menjalankan aktiviti-aktiviti kepenggunaan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan memberi perhatian kepada isu-isu dan masalah-masalah yang telah ditimbulkan semasa Majlis Dialog tersebut dengan tujuan mempertahankan hak-hak pengguna di samping berusaha untuk mewujudkan perhubungan baik antara pihak Kerajaan dengan rakyat.



YB. Menteri (kanan) dan YB. Timbalan Menteri (kiri) di Majlis Dialog dengan Persatuan Pengguna.

Kuiz Pengguna Sekolah-Sekolah

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan menganjurkan Kuiz Pengguna Sekolah-Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan pada 2 hingga 5 Oktober 1995.

Tujuan kuiz ini diadakan ialah untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu kepenggunaan dan menggalakkan penyertaan pelajar-pelajar dalam Kelab-kelab Pengguna.

Pertandingan akhir akan diadakan pada 5 Oktober 1995 di Dewan Mukhtar, Pusat Islam, Kuala Lumpur.

Ahli-ahli Kelab Pengguna Sekolah Menengah layak menyertai Kuiz Pengguna.

Pertandingan akan diadakan bagi pelajar-pelajar di peringkat daerah sebelum dipilih ke kuiz pengguna peringkat negeri. Johan di peringkat negeri akan mewakili negeri masing-masing di peringkat kebangsaan.

Johan pertandingan Kuiz Pengguna Sekolah-Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan akan mendapat piala pusingan, piala replika, wang tunai RM1,000 untuk peserta, sijil penyertaan serta wang tunai RM1,000 untuk Kelab Pengguna Sekolah dan buku-buku bernilai RM200.

Kelab-kelab Pengguna Sekolah digalakkan memberi sokongan kepada Kuiz Pengguna Sekolah ini.

Peranan Belia Sebagai Pengguna

Penyertaan aktif belia bukan sahaja akan memberi suara yang lebih kepada kegiatan perlindungan pengguna malah, menolong mereka menjadi seorang pengguna yang arif.

Para belia boleh memainkan peranan yang penting dalam kegiatan perlindungan pengguna. Penyertaan aktif belia bukan sahaja akan memberi suara yang lebih kepada kegiatan perlindungan pengguna malah, menolong mereka menjadi pengguna yang arif.

Terdapat lima alasan mengapa para belia harus bergiat aktif di dalam kegiatan perlindungan pengguna.

Pertama: Para belia, sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar bukan



Para Belia adalah pemimpin pada masa depan.

hanya pemimpin untuk masa depan malahan, untuk masa kini, terutama kepada mereka yang terlibat dalam pergerakan belia. Belia sebagai kumpulan terbesar, boleh memberi kesedaran kepada pengguna terhadap masalah kepenggunaan yang dihadapi. Malah, mereka sewajarnya lebih aktif dan berupaya untuk menjadi penggerak utama bagi menerangkan kepada masyarakat mengenai pentingnya kesedaran dan aktiviti kepenggunaan. Oleh itu, para belia patut menjadi ahli atau menyertai persatuan pengguna di kawasan masing-masing untuk sama-sama memperjuangkan hak-hak pengguna di samping menyokong usaha-usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu kepenggunaan.

Namun demikian, ramai muda-mudi yang tidak bersedia untuk bergiat dalam aktiviti kepenggunaan. Mereka mudah menjadi mangsa peniaga-peniaga yang tidak beretika dan iklan-iklan yang menyeleweng. Mereka kerap dipengaruhi agar membuang masa dan wang terhadap kegiatan-kegiatan yang tidak sihat serta tidak berfaedah. Sewajarnya para belia membabitkan diri mereka dalam kegiatan perlindungan pengguna.

Kedua: Para belia merupakan sasaran utama iklan-iklan, terutamanya yang berhubung dengan fesyen, rokok, alat-alat solek, minuman ringan dan makanan yang kurang berkhasiat (*junk food*). Sebab-sebabnya adalah ketara. Para belia agak lebih mudah dipengaruhi dan lebih mudah terdorong daripada orang dewasa. Dalam hal ini, para belia boleh bertindak dengan turut menyertai rancangan atau kegiatan bagi meningkatkan kesedaran

Tips Rakan Muda Pengguna Berwibawa

- Hubungi Persatuan Pengguna atau Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang berhampiran jika berlaku sebarang kegiatan kepenggunaan yang tidak beretika.
- Hadiri setiap kegiatan kepenggunaan seperti seminar, forum, bengkel, kempen anti-inflasi dan sebagainya.
- Libatkan diri secara aktif dalam gerakan kepenggunaan seperti menjadi ahli jawatankuasa atau ahli biasa.
- Tingkatkan pengetahuan kepenggunaan melalui pembacaan.
- Memberi sokongan kepada gerakan kepenggunaan dengan bekerjasama dan membantu Persatuan-persatuan Pengguna dan Kerajaan untuk membentuk pengguna yang bijak dan berkesan.

pengguna. Melalui tenaga belia yang bersemangat dan aktif, kajian atau penyelidikan boleh dibuat melalui pengumpulan maklumat daripada bahan-bahan bacaan, pameran, ceramah, risalah dan seumpamanya bagi memudahkan mereka menyedari kewajipan pengguna dan menyampaikannya kepada orang lain.

Ketiga: Para belia adalah dalam lengkungan umur di mana ramai di antara mereka dalam proses memulakan hidup baru sebagai pencari nafkah hidup. Mereka harus menyumbangkan masa dan tenaga kepada pergerakan kepenggunaan. Mereka harus menjadi lebih arif dalam membelanjakan wang pendapatan sebagai pengguna yang bijak. Sehubungan ini, para belia perlu menyertai kegiatan pendidikan kepenggunaan seperti menyertai seminar-seminar, bengkel, forum dan sebagainya yang boleh membantu meningkatkan pengetahuan mereka mengenai kepenggunaan selain maklumat-maklumat yang diperolehi daripada bahan-bahan bacaan.

Keempat: Seperti yang dinyatakan, para belia sedang berada di mana mereka baru hendak menyara hidup sendiri. Setiap keputusan

yang diambil dalam membelanjakan pendapatan masing-masing memerlukan pertimbangan yang cekap dan teratur. Kebijaksanaan dan kecekapan belia dalam hal ini amat perlu dalam usaha menjadi pengguna yang bijak. Mereka boleh berperanan dengan menjadi pengawas atau *agent* dalam masyarakat yang sentiasa prihatin terhadap ketidakadilan kepada pengguna. Sebagai contoh, para belia boleh bermuafakat atau bersendirian memulaukan mana-mana barangan atau perkhidmatan yang mengenakan harga atau memberikan perkhidmatan yang membebankan pengguna.

Kelima: Masa remaja merupakan peringkat di mana ramai belia akan memikirkan untuk berumah tangga atau sudahpun memulakan kehidupan berumah tangga. Oleh itu, penglibatan belia dalam kegiatan kepenggunaan akan memberi manfaat yang besar dalam usaha keluarga mereka untuk hidup lebih bahagia. Perancangan belanjawan yang berkesan mampu membentuk budaya pengguna yang sihat, sekaligus memperbaiki mutu hidup mereka.

Sehubungan itu, para belia amat beruntung jika pada usia yang masih muda sudah tahu selok-belok mengenai membuat aduan yang berkesan, bertindak memperjuangkan hak-hak pengguna dengan beretika dan sedar mengenai kewajipan dalam mencetuskan nilai-nilai pengguna yang bertanggungjawab dan berkesan.

Secara umumnya, berdasarkan peranan-peranan yang disebutkan tadi, belia boleh menjadi teladan yang baik serta bijak dan dapat menjadi pelapis yang berwibawa yang bakal menjadi pemimpin masyarakat.



Belia merupakan golongan yang terbaik untuk berperanan.

Kegiatan Biro Puteri PAC

Khemah Kerja Pembangunan Keluarga Negeri Pahang

Sempena Tahun Keluarga Antarabangsa yang disambut pada 15 Mei setiap tahun, Biro Puteri Persatuan Pengguna Pahang (PAC) telah menganjurkan satu Program Khemah Kerja Pembangunan Keluarga peringkat Negeri



Peserta-peserta Khemah Kerja bergambar kenang-kenangan.

Pahang dengan kerjasama Helwa Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dan Lembaga Perancangan Pembangunan dan Kependudukan Negara (LPPKN) Negeri Pahang. Khemah kerja diadakan pada 27 dan 28 Mei 1995 di Pusat Rekreasi Balok, Kuantan.

Matlamat utama program ini adalah untuk memberi kesedaran dan pendedahan kepada setiap keluarga dan individu supaya dapat memahami dan prihatin terhadap tanggungjawab serta peranan yang harus dimainkan bagi membentuk sebuah keluarga yang sejahtera dan bahagia.

Program ini disertai oleh 50 peserta yang terdiri daripada keluarga dan juga orang perseorangan dari seluruh negeri Pahang.

Majlis penutup dan penyampaian sijil penyertaan telah disempurnakan oleh YB. Puan Maznah Mazlan, ADUN Kawasan Muadzam Shah, Pahang.

Kelab Pengguna Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, Kelantan telah mengadakan 'Minggu Pengguna' pada 5 hingga 11 Julai 1995 lepas. Tema 'Minggu Pengguna' ialah 'Kesedaran Pengguna Teras Kejayaan Wawasan'.

Tujuan 'Minggu Pengguna' tersebut ialah untuk memberi kesedaran tentang pentingnya pendidikan pengguna di kalangan pelajar-pelajar.

Di antara program-program yang telah diadakan ialah Kuiz Pengguna, Pertandingan Rekacipta Poster Inflasi, Pameran, Ceramah dan Tayangan Video.

Dua sekolah yang berhampiran dengan Maktab Sultan Ismail, iaitu Sekolah Menengah Pintu Gong dan Sekolah Menengah Sultan Ismail

Minggu Pengguna Maktab Sultan Ismail

telah turut serta dalam menjayakan minggu pengguna tersebut.

Menurut Puan Salmah Jaafar, Guru Penasihat Kelab Pengguna Maktab Sultan Ismail, 'Minggu Pengguna' ini telah berjaya mencapai matlamatnya untuk menyedarkan guru-guru dan murid-murid tentang kepenggunaan. Kejayaan ini adalah kerana sokongan kerjasama yang telah diberikan oleh guru-guru dan pelajar-pelajar.

MHEPN Terengganu

Seminar Etika Perniagaan dan Insuran

Seminar Etika Perniagaan dan Insuran telah diadakan di Kuala Terengganu pada 30 Julai 1995 lalu. Seminar anjuran bersama Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri Terengganu (MHEPN) dan Persatuan Pengguna-Pengguna Terengganu tersebut dirasmikan oleh YB. Encik Wong Foon Meng, Pengerusi MHEPN Negeri Terengganu.

Seminar tersebut bertujuan memberi kesedaran kepada pengguna berhubung hak pengguna dan juga amalan yang baik dan beretika oleh peniaga dalam perniagaan.

Kira-kira 250 peserta terdiri daripada peniaga, pengguna, wakil syarikat insuran, institusi kewangan dan koperai menyertai seminar tersebut.

Kelab-kelab Pengguna di seluruh negara dipelawa menyumbang mengenai sebarang kegiatan masing-masing dalam bentuk artikel dan gambar untuk dimuatkan dalam ruangan ini. Semua sumbangan hendaklah dialamatkan kepada: Ketua Pengarang CERMAT, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tingkat 23, Menara Maybank, 50050 K. Lumpur.

Mengetahui Isi Perjanjian Sewa Beli

Sewa beli ialah membeli secara ansuran. Melalui kaedah ini, barangan yang dibeli hanya menjadi hak milik pengguna setelah dia menjelaskan semua bayarannya.

Untuk memastikan hak-hak pengguna dalam sewa beli terjamin, tentukan anda faham kandungan perjanjian sewa beli. Perjanjian itu seharusnya mengandungi butir-butir berikut:

- ≡ Keterangan mengenai barangan atau nama barangan.
- ≡ Harga tunai barangan.
- ≡ Tarikh kuatkuasa perjanjian.
- ≡ Wang cengkeram, tidak kurang dari 10 peratus daripada harga tunai jika jumlahnya tidak ditentukan.
- ≡ Kenyataan mengenai jumlah bayaran bagi setiap satu ansuran dan kepada siapa serta tempat bayaran ansuran itu dilakukan.
- ≡ Kenyataan mengenai masa membayar setiap ansuran.
- ≡ Alamat barangan berkenaan ditempatkan.
- ≡ Bayaran kos menghantar barangan berkenaan.
- ≡ Bayaran pendaftaran (misalnya untuk kenderaan).
- ≡ Jumlah yang perlu dibayar setelah ditolak wang cengkeram.
- ≡ Kadar faedah (tidak melebihi 10 peratus ke atas jumlah pinjaman).

- ≡ Insurans, jika ada.
- ≡ Nama dan alamat syarikat atau wakil atau ejen yang berhak menerima bayaran ansuran.
- ≡ Tarikh penyewaan bermula.
- ≡ Tandatangan pemunya (iaitu peniaga) dan penyewa (pengguna).

Jika ada sebarang keraguan atau berlaku penyelewengan oleh pihak peniaga, selain membuat aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, pengguna juga boleh mengambil tindakan sivil, terutama jika peniaga telah melanggar kontrak yang telah ditandatangani.



Baca dengan teliti isi perjanjian sewa beli yang anda lakukan.

Memahami Tempoh Bertenang

Dalam Urusan Jualan Langsung

Tempoh bertenang ialah masa yang diberi kepada pengguna selepas menandatangani suatu kontrak pembelian dengan jurujual rumah ke rumah atau pesanan pos untuk mempertimbangkan sama ada hendak terus membeli keluaran berkenaan atau sebaliknya tanpa melibatkan sebarang kerugian.

Tempoh bertenang yang diperuntukkan dalam Akta Jualan Langsung 1993 ini diperkenalkan kerana kaedah jualan yang digunakan oleh jurujual boleh dipersoalkan. Tempoh ini ialah selama '10 hari bekerja' dan diberikan kepada pengguna untuk mempertimbangkan semula pesanan yang telah dibuat, bermula pada saat ia diterima. Pengguna juga harus tahu bahawa perkara-perkara berikut perlu dipatuhi:

- √ Barang atau perkhidmatan tidak boleh

dihantar atau dilaksanakan dalam tempoh bertenang.

√ Penjual tidak boleh menerima apa-apa bayaran daripada pembeli sebelum tempoh bertenang tamat.

√ Nilai barang-barang dan perkhidmatan yang dikecualikan daripada tempoh bertenang adalah kurang dari RM300.00 untuk satu transaksi.

√ Pembeli yang telah membuat sesuatu kontrak pembelian boleh menamatkannya sebelum habis tempoh bertenang dengan menghantar 'Notis Penamatan' melalui pos berdaftar atau menghantar sendiri dalam tempoh 10 hari yang ditetapkan.

√ Pembeli yang memerlukan barang atau perkhidmatan lebih awal dari 10 hari boleh mengurangkan tempoh bertenang ke 72 jam dengan menghantar notis bertulis kepada penjual.

menjimatkan belanja. Kempen Anti Inflasi bertujuan mengurangkan kadar inflasi secara keseluruhannya dari kadar 4 % pada masa ini untuk kesejahteraan rakyat secara amnya. Inflasi Sifar pula ialah strategi untuk mencapai kestabilan harga barangan dan perkhidmatan yang diguna oleh rakyat berpendapatan rendah.

Oleh itu, harga barangan makanan, sewa dan harga rumah kos rendah, tambang bas dan teksi dan lain-lain barangan dan perkhidmatan asas perlu dikawal supaya tidak naik. Dalam hubungan ini, jika harga barangan asas dapat dikawal, dan terus berada di paras yang sama, maka taraf hidup rakyat akan kekal atau menjadi lebih tinggi. Dalam masa yang sama, kos sara

hidup akan kekal atau menurun dan barangan Malaysia dapat bersaing di medan antarabangsa.

Untuk menjayakan kempen ini adalah mustahak bagi Persatuan-Persatuan Pengguna memberi bantuan yang secukupnya kepada usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan. Sampaikanlah pendidikan kesedaran dan mesej yang tepat kepada setiap pelusuk negara supaya semua pengguna memahami kempen ini dan memberi kerjasama serta sokongan untuk menjayakannya. Dengan kerjasama semua pihak, iaitu peniaga, pengguna dan Kerajaan, Insyallah matlamat Inflasi Sifar dapat dicapai.

*Petikan sebahagian ucapan
YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar di Majlis
Dialog Menteri dengan FOMCA dan Persatuan-
Persatuan Pengguna Negeri pada 1 Ogos lalu.*

Disenaraikan nombor telefon Bahagian-bahagian dan Pejabat-pejabat Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pejabat Penguatkuasa di ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri. Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.

Bahagian Penguatkuasa:

Bilik Gerakan K. Lumpur 03-4436888/03-4437888
Wilayah Persekutuan K. Lumpur 03-4423555
Kuala Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433666

Perlis

Kangar: 04-9761478

Kedah

Alor Star: 04-7339062

Sg. Petani: 04-4213400

Langkawi: 049660420

Pulau Pinang

P.Pinang: 04-2616168

Seberang Prai: 04-317500

Perak

Ipoh: 05-2555001

Taiping: 05-8075044

Teluk Intan: 05-6227967

Selangor

Shah Alam: 03-5595544

Kajang: 03-8367444

K.Kubu Baru: 03-8042495

Wilayah Persekutuan

K.Lumpur: 03-4423555

Labuan: 089-417669

N. Sembilan

Seremban: 06-730911

Melaka

Melaka: 06-2820422

Johor

Johor Bahru: 07-2234699

Kluang: 07-736877

Muar: 06-9522709

Mersing: 07-7994211

Pahang

Kuantan: 09-523451

Temerloh: 09-2961688

Raub: 09-3551670

Terengganu

K. Terengganu: 09-6221234

Kemaman: 09-8591919

Kelantan

Kota Bharu: 09-7481117

Kuala Krai: 09-9666368

Sabah

K.Kinabalu: 088-235702

Sandakan: 089-668291

Tawau: 09-776690

Sarawak

Kuching: 082-245202

Sibu: 084-331931

Miri: 085-412862

Bintulu: 086-332176

Pejabat-Pejabat Pendaftaran Perniagaan

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7318277

Butterworth 04-3327793

Kota Bharu 09-7484599

Kuantan 09-553600

K. Terengganu 09-6237170

Johor Bharu 09-2244710

Melaka 06-2821822

Bahagian Harta Intelek

K Lumpur (Ibu Pejabat) 03-2329955

Kota Kinabalu 088-233571

Kuching 089-428499

Bhg. Hal Ehwal Pengguna

Bhg. Perdagangan Dalam Negeri 03-2329955

Pejabat-Pejabat Pendaftaran Syarikat

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7330111

P. Pinang 04-3332081

Ipoh 05-2416900

Kuantan 09-553866

Kota Bharu 09-7482860

Kota Kinabalu 088-233346

Kuching 082-428499

Labuan 089-414100

Berikut ialah senarai nombor-nombor telefon Persatuan-Persatuan Pengguna di Seluruh Negara.

Gabungan Persatuan-Persatuan Malaysia (FOMCA)	03-7762009	Persatuan Pengguna Perak (PCA)	05-2534058
Persatuan Pengguna Pahang (PAC)	09-5145693	Persatuan Pengguna Taiping (CAT)	05-8072140
Persatuan Pengguna N. Sembilan (CANS)	06-728044	Persatuan Pengguna Johor (JCA)	07-222764
Persatuan Pengguna Melaka (CAM)	06-2845339	Persatuan Pengguna Terengganu (3 PTRG)	09-6220045
Persatuan Pengguna Kelantan (KCA)	09-7444828	Persatuan Pengguna Perlis (CAPS)	04-9764136
		Persatuan Pengguna Sabah (CASH)	088-234616
		Persatuan Pengguna Sarawak	084-333622
		Persatuan Pengguna Kedah (CAKE)	04-7711645
		Persatuan Pengguna P. Pinang (CAP)	04-2293511
		Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan (PPSWP)	03-2822575

